# NIOSH UPDATES

Issue 11, Volume 11, 2018



**21st CONFERENCE AND EXHIBITION ON OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH**

COSH 2018

**SEPT. 24th - 25th, 2018 @**
**Putrajaya International Convention Center (PICC)**



## Pemanduan berhemah di *Musim Perayaan*

# 21st CONFERENCE AND EXHIBITION ON OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH

## SEPT. 24th - 25th, 2018 @ Putrajaya International Convention Center (PICC)

The Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health is an annual event organised by NIOSH in its aim to discuss the current issues and challenges in Occupational Safety and Health. This year marked 19th celebration of the Conference & Exhibition on Occupational Safety and Health which received encouraging response since its inception.

Since it first started in 1998, the conference had served as the premiere platform for OSH professionals in Malaysia to share and update their OSH knowledge and skills to meet the dynamic changes in the Malaysian working environment. COSH 2018 brings together regulators, practitioners, expert, researchers and suppliers towards a common aspiration which is to achieve a safer and healthier workplace for all.

The National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) is a government institution established in 1992 with a mission to help industry and commerce to improve occupational safety and health (OSH) in their respective workplaces. NIOSH core activities are training, disseminating information, engaging in research and development (R&D) and carrying out consultancy services. As the national center for OSH, NIOSH is attracting many OSH professionals, practitioners and tertiary education students to participate in activities conducted by NIOSH.

For that reason, we are pleased to inform you that NIOSH will be organising its National Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health (COSH 2018) on 24th to 25th September 2018 at Putrajaya International Convention Centre (PICC).

**VISION**
To be the Leading Centre of Excellence in Occupational Safety and Health in Malaysia

**MISSION**
To be the preferred partner in enhancing Occupational Safety & Health

# 21st CONFERENCE AND EXHIBITION ON OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH

## SEPT. 24th - 25th, 2018 @ Putrajaya International Convention Center (PICC)

## COSH2018 THEME: ENHANCING OSH IN NEW DIGITAL ERA

With the tsunami of data available to businesses these days, companies are turning to analytics solutions to extract meaning from the huge volumes of data to help improve decision making. The integration of data and predictive analytics systems capable of deciphering streams of information regarding equipment deficiencies long before they turn into failures, could promise a decline in workplace injuries and illnesses.

According to a World Economic Forum (WEF) report released at Davos last year, the world has entered the Fourth Industrial Revolution which is characterized by the growing significance of digital technology as a driving force for economic growth.  This rapid change and busy environment in business and organizations also means workers will constantly be interacting and processing multiple streams of information which improves their ability to learn.

The preparation of this change requires an approach that promotes a culture of life-long learning which benefits the next generation of the global workforce. This year's conference will address these challenges as well as improving the safety and health of workers by early detection of exposures to risk, development of preventive measures and implementation of OSH systems and policies in the new digital era.

**Registration Fees**

| | |
|---|---|
| **NIOSH Membership/Government/Student/Speaker /Competent Person/Spearker** | **RM 940.00** |
| **Foreign Participant** | **USD 300.00** |

**Contact The Secretariat**

Tel : +603-8769 2100
Fax : +603-8926 2900
Email : cosh@niosh.com.my

# Pemanduan berhemah di Musim Perayaan

Berikut adalah **langkah keselamatan yang perlu kita patuhi ketika di jalan raya**, terutamanya di musim-musim perayaan.

Faktor cuai dan cuaca menjadi penyumbang utama kepada punca kemalangan tetapi sikap angkuh ketika memandu yang paling sukar di bendung. Nak jadi pengguna perlulah ada sikap kesabaran sedikit di jalan raya.

- Kemalangan akibat kecuaian memastikan penyelenggaraan kenderaan dipandu akan dapat dikurangkan jika setiap kita memahirkan diri dengan perkara asas mengenai keselamatan kenderaan bermotor.
- Sebelum memulakan perjalanan jarak jauh, pemandu hendaklah memastikan tahap brek, gear dan minyak berfungsi dengan baik.

# Pemanduan berhemah di Musim Perayaan

- Pastikan kapasiti minyak pada enjin, brek dan isi radiator kereta juga perlu dipastikan berada pada tahap yang selamat dan sempurna.
- Memandu dalam keadaan cuaca tidak menentu pula sering menjerat pemandu cuai dan gopoh dengan kemalangan.
- Kemudahan jalan lurus, lebar dan mendatar pada lebuh-lebuh raya menyebabkan pemandu mudah lupa tentang bahaya cuaca buruk.
- Pastikan pemanduan anda sentiasa tidak melebihi had laju ditetapkan bagi mengelak daripada menyusahkan pengguna lain.
- Memandu dalam hujan lebat atau renyai-renyai banyak menimbulkan kemalangan kecil tetapi boleh dielak jika kenderaan anda pastikan mempunyai tayar yang baik, lampu depan, belakang dan lampu isyarat serta lampu brek berfungsi dengan terang.
- Pastikan cengkaman brek pada tahap maksimum dan pengelap cermin(wiper) berfungsi dengan sempurna paling penting bagi setiap kenderaan dalam hujan atau cuaca buruk.

# Pemanduan berhemah di Musim Perayaan

- Jika hujan lebat, pastikan anda menjarakkan pemanduan pada kedudukan 1-2 buah kenderaan di hadapan jika bergerak pada kelajuan 40 kilometer sejam.
- Jarakkan 2 hingga 3 kenderaan antara kereta anda dengan kereta di hadapan jika memandu pada kelajuan 70 kilometer sejam dalam hujan lebat.
- Lampu hadapan hendaklah sentiasa dihidupkan dan stereng dipegang dengan kuat ketika merempuh air bertakung.
- Elakkan daripada memasang lampu blok kecemasan kerana ia menyilaukan pemandu lain terutama yang datang dari hadapan serta boleh menyebabkan kemalangan.
- Berhenti di tempat selamat dan jauh daripada laluan utama jika peralatan kecemasan pada kereta kurang berfungsi atau penglihatan anda kurang jelas.
- Kemalangan walaupun kecil, tetapi melibatkan masa dan kewangan kerana bukan sahaja kenderaan terpaksa diheret ke bengkel, tetapi anda juga mesti membuat laporan polis untuk tuntutan insurans.

# Pemanduan berhemah di Musim Perayaan

- Jika terpaksa memandu mengharungi air seperti banjir kilat, pastikan kenderaan yang diguna tidak mengalami kebocoran terutama di bahagian bawah dan semua pintu mempunyai kedapan yang baik.
- Untuk membolehkan kenderaan meredah banjir kilat dengan selamat, anda hendaklah memberikan laluan kepada kenderaan berat terlebih dahulu supaya dapat menganggar ketinggian paras air melalui had tinggi tayar kenderaan berkenaan dengan keupayaan kereta anda.
- Air boleh diredah jika didapati air parasnya bawah satu kaki dan pandulah seperlahan yang mungkin sehingga melepasi kawasan dinaiki air menggunakan gear 1 atau 2 bagi mengelak percikkan air membasahi ruang enjin

Petua **utama** yang menjadi pemandu berhemah, selalulah mengamalkan sikap sabar, prihatin dan bertanggungjawab.

*Sumber Maklumat: http://www.kisahsidairy.com/2016/06/pemanduan-berhemah-di-musim-perayaan.html*

# BOOK REVIEW

# Hazardous Chemicals: Safety Management and Global Regulations, 1st Edition



An easily accessible guide to scientific information, **Hazardous Chemicals: Safety Management and Global Regulations** covers proper management, precautions, and related global regulations on the safety management of chemical substances. The book helps workers and safety personnel prevent and minimize the consequences of catastrophic releases of toxic, reactive, flammable, or explosive chemical substances, which often result in toxic or explosive hazards. It also details safety measures for transportation of chemical substances by different routes, such as by road, rail, air, and sea.

- Discusses different aspects of potentially toxic and hazardous chemicals in simple and comprehensive language
- Provides toxicity and health effects of chemicals in simple, nontechnical language
- Covers scientific information on hazardous and potentially dangerous chemical substances at workplaces
- Offers fundamental knowledge about the biological and health effects of hazardous and potentially toxic chemicals in a comprehensive way
- Includes recent developments on safety management of hazardous and potentially toxic chemicals and related global regulations

The author discusses the importance of knowledge in avoiding negligence during the use and handling of hazardous chemical substances. He stresses the importance of proper management and judicious application of each chemical substance irrespective of the workplace and eventually shows how safety and protection of the user, workplace, and the living environment can be achieved.






Continue…

BOOK REVIEW

# Hazardous Chemicals: Safety Management and Global Regulations,

## 1st Edition



**Editorial Reviews**

Review

***"This book is mainly a listing of the hazardous properties and commercial uses for several hundred common chemicals. … the format appears to be quite useful … information is presented as readily understandable blocks of text, rather than just numeric values. … Summing Up: Recommended."***

**—**H E. Pence, emeritus, SUNY College at Oneonta*, CHOICE,* February 2014

***"The power of this book is the consistent summary of the hazards and advice on reducing exposures to a wide range of chemicals. … Students, chemical safety officials, and industrial hygiene professionals will find this book extremely useful. Dr. Dikshith has patiently distilled the critical health and safety information on hundreds of chemicals found in the workplace. Dr. Dikshith has met the challenge of assembling chemical health and safety information that is too often scattered across multiple sources into a practical volume that many will find helpful."***

—Steven Gilbert, INND & Affiliate Professor University of Washington




**About the Author**

**Turuvekere Subrahmanya Shanmukha Dikshith, PhD,** was responsible for the establishment of the Pesticide Toxicology Laboratory at Industrial Toxicology Research Centre, Council of Scientific and Industrial Research (CSIR), Government of India, Lucknow, India. He was director of the Toxicology Research Laboratory, VIMTA Labs Ltd., Hyderabad, India. He also worked as a consultant, Pharmacology Division, Indian Institute of Chemical Technology (IICT), Hyderabad, India. Dr. Dikshith served on the committees and expert panels constituted by different ministries of the Government of India. As an expert committee member, he also served the Central Insecticides Board (CIB), Directorate of Plant Protection, Quarantine and Storage, Ministry of Agriculture, Government of India, India. He is a member of the World Health Organization Task Group on Environmental Health Criteria Documents and the International Program on Chemical Safety. Dr. Dikshith is the technical specialist for Standards Australia Quality Assurance Services (SAQAS), Australia, and Lloyd Register Quality Assurance Ltd. (LRQA), London, for the quality management of the laboratory and good laboratory practice. He is also the recipient of the Chandra Kanta Dandiya prize in pharmacology.

*Continue…*

BOOK REVIEW

# Hazardous Chemicals: Safety Management and Global Regulations, 1st Edition






As a fellow of the World Health Organization, Dr. Dikshith has worked at the Institute of Comparative and Human Toxicology, Albany Medical College, Albany, New York, and also at the International Center of Environmental Safety, Holloman, New Mexico. He has worked in several laboratories in France, Germany, and Canada. Dr. Dikshith has edited *Toxicology of Pesticides in Animals* published by CRC Press, Boca Raton, Florida, and has authored a book chapter published by Plenum Press, New York. He has also authored several other books, including *Safety Evaluation of Environmental Chemicals* published by New Age International Publishers, India; *Industrial Guide to Chemical and Drug Safety* published by John Wiley & Sons, Inc., Hoboken, New Jersey; and *Safe Use of Chemicals: A Practical Guide and Handbook of Chemicals and Safety* published by CRC Press, Boca Raton, Florida.

**Product details**
**Hardcover:** 680 pages
**Publisher:** CRC Press; 1 edition (May 6, 2013)
**Language:** English
**ISBN-10:** 143987820X
**ISBN-13:** 978-1439878200
**Product Dimensions:** 7.8 x 1.8 x 10.2 inches
**Shipping Weight:** 3.1 pounds (View shipping rates and policies)
**Average Customer Review:** Be the first to review this item
**Amazon Best Sellers Rank:** #5,673,073 in Books (See Top 100 in Books)

#2533 in Books > Engineering & Transportation > Engineering > Industrial, Manufacturing & Operational Systems > **Health & Safety**
#2548 in Books > Science & Math > Technology > **Safety & Health**
#3447 in Books > Health, Fitness & Dieting > **Safety & First Aid**

Would you like to **tell us about a lower price**?
If you are a seller for this product, would you like to **suggest updates through seller support**?

Continue…

# Newspaper Cutting

**Headline** : **Pantau pelaksanaan kerja selenggara**
**Publication** : Harian Metro
**Date** : 11 Jun 2018
**Page** : 68

Kuala Lumpur

HM 68 11/6/18

## Pantau pelaksanaan kerja selenggara

**Pihak berkuasa tempatan (PBT) dinasihatkan untuk memantau kontraktor dan subkontraktor yang melaksanakan kerja pembaikan serta penyelenggaraan infrastruktur membabitkan jalan raya dan kawasan awam.**

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, penubuhan unit audit keselamatan berupaya memantau kerja pembaikan atau peningkatan kemudahan awam yang rata-rata tidak mempedulikan aspek keselamatan orang ramai.

"Kerja pemasangan penghadang di tepi jalan pada waktu malam tidak diterangi lampu secukupnya selain kekurangan papan tanda keselamatan bagi memberi amaran kepada pengguna jalan raya.

"Jalan berlubang pula terjadi di luar kawasan papan penghadang, sekali gus membahayakan pemandu dan penunggang motosikal yang melalui jalan terbabit setiap hari," katanya menerusi satu kenyataan.

Kemalangan membabitkan jalan berlubang disebabkan pemandu tidak dapat melihatnya kerana ditakungi air.

Selain itu, penurapan jalan yang dibuat sambil lewa selepas kerja pemasangan kabel menyebabkan jalan beralun atau permukaan pecah menyumbang kepada peningkatan jalan berlubang.

Dalam kebanyakan kes katanya, kekurangan papan tanda keselamatan yang betul dan mencukupi serta hanya menggunakan penghadang plastik dan bukannya konkrit, mampu mengundang kemalangan.

"Justeru, penubuhan unit audit keselamatan berupaya memantau dan memastikan kontraktor dan subkontraktor mematuhi garis panduan keselamatan yang ditetapkan," katanya.



"Justeru, penubuhan unit audit keselamatan berupaya memantau dan memastikan kontraktor dan subkontraktor mematuhi garis panduan keselamatan yang ditetapkan"

*Lee Lam Thye*

**Headline** : **PBT disaran tubuh unit audit keselamatan**
**Publication** : Utusan Malaysia
**Date** : 11 Jun 2018
**Page** : 25

# PBT disaran tubuh unit audit keselamatan

**KUALA LUMPUR 10 Jun** - Pihak berkuasa tempatan (PBT) digesa menubuhkan unit audit keselamatan untuk memantau kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur melibatkan jalan raya dan kawasan awam untuk mengelak daripada berlaku sebarang kejadian tidak diingini.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye (**gambar**) berkata, seringkali kontraktor atau subkontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja membaiki kemudahan awam tidak mempedulikan aspek keselamatan orang ramai.

"Jalan yang dipasang penghadang untuk kerja-kerja pembinaan tidak diterangi lampu yang mencukupi pada waktu malam manakala papan tanda keselamatan juga agak kurang untuk memberi amaran kepada pengguna jalan raya.

"Lubang di permukaan jalan sering dilihat di luar kawasan yang dipasang penghadang dan ia menimbulkan bahaya kepada keselamatan pemandu dan penunggang motosikal yang melalui jalan tersebut setiap hari," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.



Pada Disember lalu, seorang penunggang motosikal terbunuh selepas motosikal yang ditunggangnya terjunam ke dalam lubang sedalam satu meter di sebuah kawasan projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan.

Menurut Lam Thye lagi, keadaan menjadi lebih bahaya kerana lubang di jalan terlibat tidak dapat dilihat apabila ia dipenuhi air dan keadaan sedemikian boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Kata beliau, usaha berkenaan turut menuntut komitmen daripada semua pihak kerana sementara kontraktor perlu meningkatkan mutu kerja dan aspek keselamatan, PBT pula perlu peka terhadap masalah jalan berlubang dan mengambil tindakan segera untuk memperbaikinya tanpa menunggu aduan awam.

"Oleh itu, jika boleh setiap PBT perlu menubuhkan unit audit keselamatan khas untuk memantau dan memastikan kontraktor dan subkontraktor terbabit mematuhi garis panduan keselamatan yang ditetapkan," katanya.

Newspaper Cutting

**Headline** : **Lam Thye : Focus on 3 key Issues**
**Publication** : New Straits Times
**Date** : 04 Jun 2018
**Page** : 21

NST 21 4/6/18

HEALTH ADVISORY COUNCIL

# LAM THYE: FOCUS ON 3 KEY ISSUES

## Council urged to introduce mental health plan, boost health industry and ensure safety of premises

ARFA YUNUS
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

TO improve Malaysia's healthcare services, social activist Tan Sri Lee Lam Thye has recommended that the Health Advisory Council focuses on three key issues.

He stressed the need for the introduction of a mental health development plan in view of the 2015 National Health and Morbidity Survey that showed 4.2 million Malaysians, aged 16 and above, suffered from mental health problems.

"Of late, we (have been) shocked by cases, including murder, involving suspects suffering from mental disorder. The ratio of students with mental problems has increased from one in 10 people in 2011, to one in five in 2016," he said yesterday.



*Tan Sri Lee Lam Thye*

Last month, Health Minister Dr Dzulkefly Ahmad said an independent Health Advisory Council would be set up to advise the ministry on measures to strengthen healthcare delivery in Malaysia.

Lee also recommended that the national health industry be improved, especially public health services at government hospitals and clinics.

He said the third issue was the safety aspect of healthcare premises, especially hospitals and clinics, stressing the ministry needed to ensure they were at a satisfactory level.

He said data from the Fire and Rescue Department showed some healthcare premises were unsafe and a fire risk.

He said the authorities should conduct annual safety audits at healthcare premises.

Newspaper Cutting

**Headline** : **Kulasegaran: Skills training institutes should be under one ministry**
**Publication** : New Straits Times
**Date** : 04 June 2018
**Page** : 04

'STREAMLINE'

# Kulasegaran: Skills training institutes should be under one ministry

**IPOH:** All skills training institutes that are under various ministries should be streamlined and placed under a single ministry to prevent the overlapping of functions and waste, said Human Resources Minister M. Kulasegaran.

Kulasegaran said this could ensure allocations were used effectively.

He said his ministry would prepare a proposal and the matter would be discussed by the cabinet.

"We need to stop the overlapping of duties and competition between the ministries involved. We are one family. I will ask the cabinet for this to be streamlined.

"We know that wastage occurs (because of the lack of coordination among skills training institutes).

"This is similar to the dissolution of the Land Public Transport Commission (SPAD) by the cabinet, where all of SPAD's functions are placed under the Transport Ministry.

"We do not want to see any more ministry within ministries," he said after a working visit to the Ipoh Industrial Training Institute in Jelapang here yesterday.




*Human Resources Minister M. Kulasegaran (second from right) at the Ipoh Industrial Training Institute in Jelapang yesterday.* PIC BY ABDULLAH YUSOF

At present, several ministries have their own skills training institutes, among them Majlis Amanah Rakyat (Mara) under the Rural and Regional Development Ministry.

Other ministries include the Agriculture and Agro-based Industries Ministry, Education Ministry, Human Resources Ministry, and Youth and Sports Ministry.

Kulasegaran said skills training institutes nationwide should develop collaborations with non-Malay industries.

The institutes, he said, also had to find ways to draw greater participation and maximise the number of participants as the main reason behind their lack of popularity among non-Malays was the language of delivery.

"If we view sectors that are dominated by the Chinese, they place great emphasis on the use of Mandarin and Cantonese.

"I think we need to have a mindset shift.

"The language of tomorrow is Mandarin and we have to accept this fact. As such, collaborations between these institutes and Chinese-owned companies are important so that we can reach the targeted groups.

"The majority of the country's sectors are controlled by the Chinese, so we should work with these companies."

**Headline** : **Buruh maut tertimbus 3 meter**
**Publication** : Harian Metro
**Date** : 02 Jun 2018
**Page** : 02



ANGGOTA bomba berusaha mencari mayat mangsa.

HM 2 2/6/18

# Buruh maut tertimbus 3 meter

**Melaka:** Buruh binaan warga Bangladesh terbunuh selepas tertimbus dalam lubang sedalam kira-kira tiga meter ketika melakukan kerja mengorek tanah di tapak kilang baru di Taman Perindustrian Bukit Rambai di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang itu, mangsa yang dikenali sebagai Babul, 45, tertimbus ke dalam runtuhan tanah ketika kerja mengorek dilakukan rakannya, Suwaji Jali menggunakan jengkaut.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad berkata, siasatan awal mendapati kejadian berlaku di kilang pembuatan peralatan produk berasaskan bahan kimia yang masih dalam pembinaan.

"Ketika kejadian, rakan mangsa sedang mengorek lubang sedalam kira-kira tiga meter.

"Sejurus selepas itu, mangsa turun ke dalam lubang dan secara tiba-tiba tanah di bahagian tepi tebing runtuh bersama batu lalu menimbus mangsa.

"Berikutan itu, mangsa tidak dapat diselamatkan," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, sepasukan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat ditugaskan mengeluarkan mangsa daripada timbunan tanah dan batu berkenaan.

Menurutnya, ketika mangsa dikeluarkan didapati mayatnya disaluti lumpur selain terdapat kesan luka pada sebelah kanan kepala dipercayai terkena batu.

"Siasatan awal mendapati tiada unsur jenayah atau khianat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

"Mayatnya dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Melaka untuk proses bedah siasat," katanya.

Sementara itu, Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Tangga Batu Zaidi Kadiron berkata, sepasukan sembilan anggota termasuk pegawai dikejarkan ke lokasi kejadian sejurus menerima panggilan.

Newspaper Cutting

| | | |
|---|---|---|
| **Headline** | : | **Majikan perlu kurangkan pekerja asing** |
| **Publication** | : | Utusan Malaysia |
| **Date** | : | 06 Jun 2018 |
| **Page** | : | 10 |

# Majikan perlu kurangkan pekerja asing

**KUALA LUMPUR 5 Jun** - Kebergantungan kepada pekerja warga asing perlu dikurangkan secara berperingkat dan digantikan dengan penggunaan automasi dan teknologi.



M. KULASEGARAN

Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran berkata, automasi dan penggunaan teknologi yang lebih canggih akan mewujudkan permintaan tersendiri bagi pekerja berkemahiran lebih tinggi, yang kebiasaannya datang dengan gaji lebih baik dan boleh diisi oleh pekerja tempatan.

"Kita bagi masa kepada majikan untuk peralihan daripada produktiviti berasaskan buruh kepada teknologi," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri taklimat dan melawat unit latihan bergerak Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) di Bangi, dekat sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Dr. Mohd. Gazali Abas; Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye dan Pengarah Eksekutif NIOSH, Ayop Salleh.

Kulasegaran memberitahu, majikan perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi terkini bagi membolehkan mereka bersaing secara sihat dengan negara-negara lain maju seperti Jerman yang sudah mula melaksanakan industri berasaskan teknologi.

Ditanya mengenai status 1.5 juta pekerja asing berdaftar di Malaysia, Kulasegaran memberi jaminan bahawa mereka tidak akan dihantar pulang.

"Kita tidak boleh menghantar mereka pulang sewenang-senangnya, mereka juga mengeluarkan wang untuk datang bekerja di Malaysia. Penghantaran pulang mereka ke negara asal dengan serta-merta akan memberi implikasi besar kepada sektor-sektor pembinaan, perladangan dan perniagaan yang sebahagian besar bergantung kepada pekerja asing," jelasnya.

Newspaper Cutting

**Headline** : **'Benda dah nak jadi'**
**Publication** : Harian Metro
**Date** : 07 Jun 2018
**Page** : 51




ANTARA kenderaan yang rosak selepas sebuah kren di kawasan pembinaan tumbang.

# 'Benda dah nak jadi'

## 5 kenderaan rosak dihempap kren penanam perancah tumbang

Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

**Kuala Lumpur**

Lima kenderaan yang diletakkan di kawasan parkir depan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi rosak apabila sebuah kren penanam perancah di tapak pembinaan berhampiran tumbang, semalam.

Bagaimanapun, kejadian jam 5.10 petang itu tidak membabitkan sebarang kemalangan jiwa berikutan pemilik kenderaan tiada ketika insiden berlaku.

Saksi hanya mahu dikenali sebagai Amir 30-an berkata, ketika kejadian, dia sedang meletak kenderaan dalam jarak 20 meter sebelum terdengar bunyi dentuman kuat.

Katanya, sebaik menjenguk keluar dari kereta, dia melihat beberapa kenderaan lain dihempap sebuah kren dari tapak pembinaan yang tumbang serta memasuki kawasan meletak kenderaan di situ.

"Saya dengar bunyi dentuman kuat dan bila keluar kereta, saya lihat beberapa kenderaan yang diletakkan di bahagian belakang kira-kira 20 meter sudah rosak dihempap kren.

"Bila datang dekat, saya dapati tiga kenderaan rosak teruk apabila tiang kren berkenaan jatuh di atas ketiga-tiganya," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di kawasan meletak kereta di depan IPD Dang Wangi.

Sementara itu, seorang pemilik kenderaan yang rosak, Alex Toh, 28, ketika ditemui berkata, dia terkejut apabila menerima panggilan daripada polis memaklumkan kenderaannya rosak teruk dihempap sebuah kren.

"Benda sudah jadi, saya tak boleh nak buat apa-apa. Namun, saya akan tuntut ganti rugi daripada pihak pemaju pembinaan atas kecuaian mereka.

"Ini kerana berdasarkan keadaan kereta saya yang rosak teruk, jumlah pampasan insurans yang saya jangka dapat pun pastinya tidak cukup untuk membeli sebuah kereta baru.

"Selain itu, mereka (pemaju) perlu membayar kos pengangkutan saya sehingga saya mendapat pengangkutan lain bagi urusan harian dan untuk berulang-alik ke tempat kerja," katanya.

Seorang lagi pemilik kereta mahu dikenali sebagai Jack, 30-an berkata, dia tidak menyangka kejadian itu berlaku berikutan sudah lima tahun meletak kenderaan di situ.

"Lima tahun saya letak kenderaan di sini apabila pergi ke tempat kerja tetapi tidak sangka pula boleh jadi kejadian ini.

"Sebabnya, kawasan meletak kereta ini boleh dikatakan selamat dan tidak pernah berlaku kejadian tidak diingini seperti pecah kenderaan di sini," katanya.

**Headline** : **Hospital sepatutnya lokasi paling selamat: Lam Thye**
**Publication** : Harian Metro
**Date** : 03 Jun 2018
**Page** : 23

HM 23 3/6/18



"Pihak berkaitan seharusnya menjalankan audit keselamatan secara tahunan untuk semua bangunan penting terutama hospital yang berusia lebih 20 tahun di seluruh negara"

*Lam Thye*

Kuala Lumpur

# Hospital sepatutnya lokasi paling selamat: Lam Thye

Hospital seharusnya dijadikan lokasi paling selamat kepada orang ramai dengan memastikan semua sistem keselamatan termasuk peralatan pencegahan kebakaran berada pada tahap optimum seterusnya boleh mengelak daripada berlakunya kejadian tidak diingini.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, dua kes yang berlaku sebelum ini iaitu kebakaran di Unit Rawatan Rapi Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru dan sebahagian stor Jabatan Forensik Hospital Kuala Lumpur (HKL) contoh terbaik insiden berkenaan boleh berlaku pada bila-bila masa malah keadaan menjadi bertambah buruk apabila sistem pencegahan tidak berfungsi dengan baik.

Beliau berkata, pihak berkaitan seharusnya menjadikan hospital sebagai tempat selamat kepada pesakit dan ahli keluarga termasuk doktor serta petugas hospital yang bekerja keras merawat pesakit setiap hari.

"Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994, majikan dan pekerja bertanggungjawab memastikan keselamatan serta kesihatan di tempat kerja manakala mereka yang gagal berbuat demikian boleh didakwa.

"Pihak berkaitan seharusnya menjalankan audit keselamatan secara tahunan untuk semua bangunan penting terutama hospital yang berusia lebih 20 tahun di seluruh negara," katanya.

Newspaper Cutting

**Headline** : **Susulan Hospital Sakit: Perlu lantik kumpulan audit**
**Publication** : Harian Metro
**Date** : 06 Jun 2018
**Page** : 24

HM 24 6/6/18

SUSULAN HOSPITAL SAKIT

# Perlu lantik kumpulan audit

**Kuala Lumpur:** Kumpulan audit membabitkan pakar dalam pelbagai bidang termasuk daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) perlu dilantik bagi melakukan penilaian terhadap semua hospital bermasalah di negara ini sebelum sebarang tindakan lanjut untuk mengatasinya diambil.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, audit keselamatan penting supaya Kementerian Kesihatan memperoleh data lengkap membabitkan 95 hospital yang didapati berisiko.

Beliau berkata, pasukan audit berkenaan juga berperanan melakukan pemeriksaan terhadap sistem pendawaian elektrik, kelengkapan pencegahan kebakaran dan sistem amaran kecemasan.

Menurutnya, elemen berkenaan penting bagi memastikan kakitangan dapat memindahkan pesakit dengan lancar jika berlaku kecemasan atau bencana.



Jelasnya, meskipun kementerian berdepan kekangan kewangan untuk menyediakan peruntukan yang cukup namun faktor keselamatan seharusnya dititikberatkan bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini daripada berlaku.

"Saya akan minta pihak berkaitan segera menubuhkan kumpulan audit dianggotai mereka memiliki kepakaran berbeza dan pelbagai.

"Malah, NIOSH juga bersedia berkongsi kepakaran dengan membantu pasukan audit berkenaan melakukan pemeriksaan terhadap bangunan berkenaan," katanya, di sini.

> "Saya akan minta pihak berkaitan segera menubuhkan kumpulan audit dianggotai mereka memiliki kepakaran berbeza dan pelbagai"
>
> *Lee Lam Thye*

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan khas Harian Metro disiarkan 1 Jun lalu memetik ketiadaan sistem keselamatan kebakaran lengkap berserta Sijil Perakuan Bomba (FC) menjadikan hospital kerajaan di negara ini terutama berusia lebih 100 tahun ibarat bom jangka kerana berdepan risiko tinggi kebakaran.

Malah, menurut laporan berkenaan juga menyatakan 39 hospital kerajaan di negara ini tidak mempunyai FC.

Newspaper Cutting

**Headline** : **Susulan Hospital Sakit: 'Tak cukup bajet'**
**Publication** : Kosmo
**Date** : 02 Jun 2018
**Page** : 36

36 setempat 02-06-2018

*"Selamat itu bukan semata-mata dari segi ubat-ubatan, tetapi merangkumi aspek fizikal seperti bangunan, peralatan dan sistem sokongan kebakaran"*
Dr Dzulkefly Ahmad



SUSULAN HOSPITAL SAKIT

# 'TAK CUKUP BAJET'

## KKM akui banyak hospital lama berdepan isu keselamatan

Amir Abd Hamid, Mohd Firdaus Ibrahim dan Syazwan Msar
cnews@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meneliti langkah terbaik bagi mengatasi kekurangan di setiap hospital di seluruh negara termasuk isu keselamatan.

Menteri Kesihatan Dr Dzulkefly Ahmad berkata, beliau mengakui kebanyakan hospital lama ada beberapa isu keselamatan, malah menyedari sebahagiannya tiada Sijil Perakuan Bomba (FC).

"Saya diberikan penerangan oleh pimpinan tertinggi kementerian, ketua jabatan dan setiausaha bahagian mengenainya.

"Kementerian perlu akui ada antara hospital lama yang sampai waktunya diperbaharui peralatan, sistem pendawaian dan sistem sokongan keselamatan kebakaran.

"Ini termasuk peralatan yang melepasi tarikh luput, tetapi masih digunakan di hospital. Kita tidak mahu kejadian seperti di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru berulang," katanya dalam temu bual khas bersama Skuad Khas Harian Metro di pejabatnya di sini.

Menurut beliau, isu yang timbul dari aspek keselamatan itu berkait rapat dengan peruntukan ataupun dana kepada kementerian.

"Sebab itu, saya sebelum ini mengumumkan kementerian sedia menuntut dana atau peruntukan lebih daripada kerajaan bagi mengatasi pelbagai masalah termasuk aspek keselamatan.

"Bajet yang datang peluang terbaik untuk buktikan komitmen kerajaan Pakatan Harapan. Saya selaku menteri bertanggungjawab tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak termasuk kerajaan sebelum ini.

"Apa yang penting kesediaan mengetahui tahap penyediaan perkhidmatan sedia ada perlu diteliti dan diambil tindakan segera," katanya.

Ditanya mengenai status beberapa hospital seperti Hospital Kuala Lumpur (HKL), HSA dan Hospital Kajang yang diibaratkan segelintir pihak seperti bom jangka, Dr Dzulkefly berkata, beliau yang baru mengambil alih kementerian berkenaan perlu mengakuinya.

"Saya akui penyediaan perkhidmatan di bawah kementerian disediakan merangkumi tiga elemen penting iaitu mampu, berkualiti dan selamat.

"Selamat itu bukan semata-mata dari segi ubat-ubatan, tetapi merangkumi aspek fizikal seperti bangunan, peralatan dan sistem sokongan kebakaran.

"Saya mahu pastikan di semua (hospital) negeri di seluruh negara.

"Malah, saya sudah berhubung dengan pengarah hospital di setiap negeri. Semua pengarah juga teruja untuk saya datang dan saksikan sendiri.

"Satu, dari segi kebaikan serta perkhidmatan yang mereka sediakan dan kedua, mengenai kekurangan yang mereka mahu kita (kementerian) beri tumpuan dan atasinya dengan suntikan kewangan," katanya.

Bagi memastikan tragedi kebakaran seperti di HKL dan HSA tidak berulang, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya mahu perhatian serius diberikan kepada isu berkenaan.

"Apabila kementerian kesihatan (sebelum ini) tidak diberikan keutamaan seperti sepatutnya mengikut ukuran dianjurkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ini kesannya.

"Saya mahu peruntukan walaupun kemelut kewangan negara berlaku. Sektor kesihatan dan pendidikan perkara yang tidak boleh kita kompromi.

"Bila berlaku ketidakcekapan dan kekurangan dana, maka ia menjejaskan banyak perkara seperti kekurangan doktor, peralatan, bangunan lama dan usang. Kita tidak mahu jadi seperti pepatah sudah terhantuk baru terngadah," katanya.




KEBAKARAN di Unit Rawatan Rapi (ICU) HSA pada Oktober 2016.

**Headline** : **Balik kampung dengan selamat**
**Publication** : Harian Metro
**Date** : 11 Jun 2018
**Page** : 26

26 minda



Tan Sri Lee Lam Thye

HARIAN METRO

# Balik kampung dengan selamat



FAKTA